

Penahanan suspek dikaitkan LTTE

Dr M pertahan polis guna SOSMA

Petaling Jaya: Tun Dr Mahathir Mohamad mempertahankan tindakan polis menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) bagi menahan 12 individu dikaitkan dengan kumpulan pengganas Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE).

Penggunaan SOSMA, tegas Perdana Menteri kerana tiada undang-undang lain boleh digunakan dalam siasatan polis memabitkan LTTE ketika ini.

SOSMA diwujudkan pada 22 Jun 2012 oleh pentadbiran bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bagi menggantikan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 yang dimansuhkan pada 15 September 2011.

"Saya ada (dapat) penerangan daripada polis. Mereka ada sebab (untuk bertindak) dan saya berpuas hati dengan alasan mereka

mengambil tindakan. SOSMA masih wujud ketika ini dan disebabkan tiada undang-undang lain, maka polis menggunakan akta ini," katanya pada Persidangan Antarabangsa Revolusi Industri 4.0: Revolusi Global Dalam Perniagaan, Teknologi dan Produktiviti (MYINDUSTRIES 2019) di Universiti SEGi, di sini semalam.

Beliau ditanya pemberita mengenai kes penahanan berkenaan yang dipersoalkan beberapa pemimpin DAP, manakala Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berpandangan SOSMA tidak sepatutnya digunakan.

Setakat semalam, jumlah yang ditahan polis kekal 12 orang termasuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) DAP, masing-masing dari Melaka dan Negeri Sembilan kerana dipercayai ada kaitan dengan LTTE.

Mereka ditahan menerusi ope-

rasi khas di Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kedah, Pulau Pinang dan Perak sejak Khamis lalu.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng dalam reaksinya sebelum ini, bertegas parti itu yakin dua ADUN berkenaan tidak bersalah, manakala Naib Pengerusi DAP, M Kulasegaran pula menggesa individu ditahan segera didakwa di mahkamah jika ada bukti mencukupi.

Jumaat lalu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Anti Pengganas (E8) Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay, mengingatkan semua pihak termasuk ahli politik berhenti membuat kenyataan yang boleh menjejaskan proses siasatan.